

WILAYAHKU

Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya
editorwilayahku@gmail.com

mediawargakota

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

PUTRAJAYA, 4 Januari 2019 - Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abdul Samad hari ini merasmikan pelancaran akhbar WilayahKu di Dewan Serbaguna, Menara Seri Wilayah, Presint 2 di sini. Akhbar mingguan yang diterbitkan oleh Kelab Sukan dan Kebajikan Yayasan Wilayah Persekutuan (KSKYWP) ini diedarkan secara percuma kepada orang ramai mulai hari ini di sekitar Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Akhbar WilayahKu yang mengandungi 24 muka surat bakal dijadikan sebagai suara warga kota bagi mengetengahkan kisah di sebalik berita tentang kehidupan, harapan serta keperluan golongan terbabit dari semasa ke semasa. Sejajar dengan *tagline* 'media warga kota', WilayahKu menjadi platform untuk menyampaikan maklumat secara lebih dekat dan telus kepada warga kota, akhbar WilayahKu menyediakan ruangan yang lebih memfokuskan kehidupan serta kebajikan golongan sasar.

Antara ruangan yang dimuatkan ialah Berita, Bicara Eksklusif, Urban, Biz, Selebriti, Komuniti, Khabar Labuan dan Sukan. Selain itu, ruangan WK2 menampilkan konsep majalah dalam akhbar yang memaparkan kisah tentang warga Wilayah Persekutuan secara lebih berfokus.

Ia juga melaporkan perkembangan mengenai projek dan program pembangunan dilaksanakan pelbagai pihak termasuk agensi kerajaan yang bertujuan memberikan keselesaan kepada pengguna selain isu-isu semasa berkaitan masyarakat kota. Akhbar WilayahKu turut memberikan tumpuan kepada warna-warni kehidupan warga Wilayah Persekutuan seperti lokasi makanan yang menarik di ruang Makan Di sini manakala kolumn Santai memberikan peluang pembaca meninjau lokasi-lokasi pelancongan serta rekreasi di sekitar Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Warga Wilayah Persekutuan juga boleh menghantar maklumat dan gambar aktiviti mereka untuk dikongsikan dalam ruangan Komuniti yang disediakan khusus untuk mengetengahkan aktiviti setempat.

Akhbar WilayahKu boleh didapati di semua masjid, pusat ibadat, surau Jumaat dan pejabat-pejabat Kerajaan di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Akhbar ini diurus terbit oleh syarikat Wilayah Media Sdn. Bhd., sebuah anak syarikat YWP melibatkan pasukan editorial diterajui Ketua Pengarangnya, Zulkifli Sulong bersama Pengarang, Helmi Mohd. Foad serta tiga orang wartawan, seorang jurugambar dan seorang pegawai tadbir.